

Sila semak semasa dilafazkan

UCAPAN YANG DI PERTUA BAKTI
YANG AMAT BERBAHAGIA
DATIN SERI DR SITI HASMAH BT MOHD ALI
PADA MAJLIS PENYAMPAIAN BUNGKUSAN HARI RAYA 1997
KEPADA PASUKAN KESELAMATAN NEGARA
DI SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
PADA HARI SABTU 18 JANUARI 1997
JAM 11.00 PAGI

Bersyukur kita kepada Allah S.W.T. kerana dengan kurniaan rahmat, bahagia dan kesejahteraanNya sahaja dapat kita berkumpul di sini untuk menunaikan satu kewajipan pada bulan Ramadhan yang mulia ini. Semoga Allah memberkati Majlis kita ini.

2. Saya bagi pihak BAKTI, mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan yang saya tahu tekun datang setiap tahun untuk menerima bungkusan-bungkusan Hari Raya BAKTI bagi Angkatan Tentera dan Polis. Ini adalah yang ke-8 BAKTI secara bersendirian mengaturkan penyampaian bungkusan Hari Raya kepada anggota Pasukan Keselamatan. Pada suatu ketika, jumlah bungkusan yang perlu disediakan oleh BAKTI adalah sebanyak 26,000. Tetapi bilangan itu telah menjadi kurang tahun demi tahun. Bagaimana pun masih ramai anggota Pasukan Keselamatan kita yang bertugas di dalam dan luar negara.

3. Pada tahun ini, sebanyak 18,000 bungkusan disediakan untuk Angkatan Tentera dan 4,000 untuk Polis Di Raja Malaysia. Pada tahun-tahun yang lampau ahli-ahli BAKTI mengambil masa dua hari pagi dan petang untuk menyediakan bungkusan-bungkusan itu. Tetapi pada kelmarin dahulu, iaitu pada Khamis lepas, mereka telah mengambil cuma dua setengah jam sahaja untuk menyediakan bungkusan-bungkusan itu tanpa sangat bertungkus lumus dan menitiskan peluh. Oleh kerana Angkatan Tentera Malaysia memerlukan bungkusan ini awal iaitu pada bulan Disember lalu bagi memudahkan mereka mengirihkan bungkusan-bungkusan itu kepada tentera kita, maka ia disampaikan terus kepada MINDEF oleh pengusaha. Sementara itu 4,000 bungkusan untuk PDRM pula diuruskan dari Sri Perdana. Saya berharap bungkusan-bungkusan

kecil ini yang merupakan sumbangan ikhlas BAKTI akan dapat membantu anggota tentera dan polis kita menyambut Hari Raya Aidil Fitri dengan selesa.

4. Pada malam Khamis lalu dilihat dari kaca TV anggota-anggota keselamatan kita bertugas di Gubir dan berbuka puasa dalam hutan rimba. Begitu juga kita lihat anggota Polis bertugas di daerah malapetaka ribut Greg, Sabah dan tempat-tempat lain dalam berbagai operasi termasuk membersihkan dan mengurangkan pendatang-pendatang tanpa izin dalam negara. Risiko bahaya yang dihadapi oleh kedua-dua pasukan ATM dan PDRM amatlah tinggi dan difahami. Syukur Alhamdulillah, keadaan di Bosnia-Herzegovina telah beralih daripada peperangan kepada kedamaian yang memberi harapan kepada keamanan bagi rakyat negara itu. Pasukan kita ATM dan PDRM yang bertugas di sana dan juga di negara-negara yang lain telah pun pergi dan selamat pulang ke tanah air dengan meninggalkan nama dan imej cemerlang negara kita. Yang mengkagumkan kita ialah cara pendekatan Pasukan Keselamatan kita menghadapi musuh, kawan dan orang-orang awam di negara-negara yang berperang. Sikap dan dedikasi mereka dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab amat dipuji. Saya sendiri telah melihat betapa bangga hati mereka dipilih bertugas di Bosnia-Herzegovina dan memakai beret biru Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi pihak Malaysia. Syabas dan tahniah BAKTI ucapkan dan kami berdoa semoga semua anggota pasukan keselamatan kita di luar negeri dilindungi Allah S.W.T.

5. Keadaan di dalam negeri tidak kurang berat masalahnya. Sungguhpun lebih sejuta pendatang dalam negara tidak bersenjata seperti dalam peperangan, kehadiran mereka sahaja telah mendatangkan pelbagai masalah kepada negara. Sementara kita benar-benar memahami kenapa mereka bersusah payah datang ke Malaysia, mengorbankan nyawa, keluarga dan maruah untuk ke mari, sambil membantu kita sebagai pekerja dalam berbagai-bagai bidang pekerjaan, tidak dapat tidak mereka membawa berbagai-bagai masalah besar kepada Kerajaan dan rakyat kita sendiri daripada segi sosial, perumahan, kesihatan, pendidikan dan ekonomi.

6. Pihak PDRM telah diberi tanggungjawab untuk membendung masalah ini dan kita berdoa dan berharap keadaan yang menjejaskan sedikit sebanyak kesejahteraan hidup kita akan berkurangan, Insya Allah. Ini adalah cabaran yang saya yakin pihak PDRM dan ATM akan dan boleh menghadapi dengan jayanya.

7. Dari medan peperangan ke medan rumah tangga pula di mana duduknya seorang insan digelarkan isteri menunggu seorang lelaki yang dinamakan suami. Merekalah yang paling bersabar, berdoa dan menunggu kepulangan orang kesayangan mereka. Kepada isteri-isteri dan keluarga anggota keselamatan di mana jua mereka berada, kami dalam BAKTI mendoakan supaya mereka sentiasa sabar dan menjaga diri dan keluarga dengan baik supaya tidak merunsingkan pula suami yang bertugas jauh. Pengorbanan puan-puan itu dan kerelaan puan-puan itu adalah terpuji dan dirahmati Allah S.W.T. Berpuluh malam kau menunggu suami mu, bermalam-malam berasa rindu, doakanlah supaya mereka lekas pulang. Begitu juga kami dalam BAKTI sentiasa mendoakan supaya mereka selamat menyempurnakan tugas dan balik ke pangkuan isteri dan keluarga masing-masing dalam keadaan baik. Insya-Allah.

8. Dengan harapan ini, saya bagi pihak BAKTI sekali lagi mengucapkan setinggi terima kasih kepada Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Polis Negara serta tetamu-tetamu yang sudi nadir. Mungkin kedua-dua pihak akan memberi berita yang terkini mengenai penempatan ATM dan PDRM di dalam dan di luar negara.
